NO. IKLAN : LKM/T&K/01/052025

# IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA (LKM)

Permohonan dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan bertaraf **TETAP DAN KONTRAK** di Lembaga Koko Malaysia seperti berikut;

## 1 JAWATAN

| BIL | JAWATAN | KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | KUMPULAN PERKHIDMATAN | GRED DAN JADUAL GAJI | BIDANG | | BIL. KOSONG | TARAF JAWATAN | PENEMPATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1.1 | Pegawai Ehwal Ekonomi | Ekonomi (E) | Pengurusan dan Profesional | **Gred E9**<br>**Minimum**: RM2,250.00<br>**Maksimum**: RM11,110.00 | i) | - | 2 | Tetap | Bahagian Pembangunan Pasaran dan Ekonomi, Ibu Pejabat, Kota Kinabalu |
| | | | | | ii) | - | 1 | Tetap | Bahagian Pengawalseliaan dan Kawalan Kualiti, Ibu Pejabat, Kota Kinabalu |
| 1.2 | Pegawai Penyelidik | Penyelidikan dan Pembangunan (Q) | Pengurusan dan Profesional | **Gred Q9**<br>**Minimum**: RM2,250.00<br>**Maksimum**: RM11,110.00 | i) | Entomologi (Kaji Serangga) | 1 | Tetap | Bahagian Teknologi Huluan Koko, PPPK, Tawau, Sabah |
| | | | | | ii) | Patologi Tumbuhan | 1 | Tetap | |
| 1.3 | Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi | Ekonomi (E) | Pelaksana | **Gred E5**<br>**Minimum**: RM1,650.00<br>**Maksimum**: RM6,620.00 | i) | - | 1 | Tetap | Bahagian Pembangunan Pasaran dan Ekonomi, Ibu Pejabat, Kota Kinabalu |

| BIL | JAWATAN | KLASIFIKASI PERKHIDMATAN | KUMPULAN PERKHIDMATAN | GRED DAN JADUAL GAJI | BIDANG | | BIL. KOSONG | TARAF JAWATAN | PENEMPATAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1.4 | Pembantu Ehwal Ekonomi | Ekonomi (E) | Pelaksana | **Gred E1**<br>**Minimum** / **Maksimum**<br>RM1,500.00 / RM4,680.00 | i) | - | 1 | Tetap | Bahagian Pengawalseliaan dan Kawalan Kualiti (PPPK, Kota Samarahan Sarawak) |
| | | | | | ii) | - | 2 | Tetap | Bahagian Pemindahan Teknologi dan Pengembangan (Ibu Pejabat, Kota Kinabalu dan PPPK, Kota Samarahan, Sarawak) |
| 1.5 | Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) | Pentadbiran dan Sokongan (N) | Pelaksana | **Gred N1**<br>**Minimum** / **Maksimum**<br>RM1,500.00 / RM4,680.00 | i) | - | 1 | Tetap | PITK, Nilai, Negeri Sembilan |
| | | | | | ii) | - | 1 | Tetap | Unit Integriti, Ibu Pejabat, Kota Kinabalu |
| | | | | | iii) | - | 1 | Tetap | PPPK, Bagan Datuk, Perak |
| | | | | | iv) | - | 1 | Kontrak | |
| 1.6 | Pembantu Penyelidik | Penyelidikan dan Pembangunan (Q) | Pelaksana | **Gred Q1**<br>**Minimum** / **Maksimum**<br>RM1,500.00 / RM4,680.00 | i) | - | 1 | Tetap | PPPK, Bagan Datuk, Perak |
| | | | | | ii) | - | 1 | Tetap | Bahagian Pemindahan Teknologi dan Pengembangan, Jengka, Pahang |
| 1.7 | Pembantu Tadbir (Kewangan) | Kewangan (W) | Pelaksana | **Gred W1**<br>**Minimum** / **Maksimum**<br>RM1,500.00 / RM4,680.00 | i) | - | 1 | Tetap | PPPK, Bagan Datuk, Perak |
| 1.8 | Pembantu Khidmat Am | Kemahiran (H) | Pelaksana | **H1**<br>**Minimum** / **Minimum**<br>RM1,500.00 / RM4,680.00 | i) | - | 2 | Tetap | Bahagian Khidmat Pengurusan, Ibu Pejabat, Kota Kinabalu, Sabah |
| | | | | | ii) | - | 1 | Kontrak | |
| | | | | | iii) | - | 1 | Tetap | PPPK, Tawau, Sabah |
| | | | | | iv) | - | 1 | Tetap | PPPK, Madai, Sabah |
| | | | | | v) | - | 1 | Tetap | PPPK, Jengka, Pahang |

Maklumat jawatan dan syarat kelayakan adalah seperti berikut:-

| 1.1 | PEGAWAI EHWAL EKONOMI |
|---|---|

**Syarat Kelayakan :**

a) Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam dalam bidang Ekonomi, Pengurusan Perniagaan dan Pemasaran, Perniagaan Tani atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

***DAN*** b) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Deskripsi Tugas Bahagian Pembangunan Pasaran dan Ekonomi:**

i) Merancang, mnyediakan dan memantau program-program Seksyen Ekonomi seperti yang dirancang dalam perancangan Bahagian Pembangunan Pasaran dan Ekonomi.
ii) Menyedia, menyatukan serta menganalisis data-data perangkaan koko tempatan.
iii) Mengumpul menyatukan dan menganalisis pelaburan koko.

**Deskripsi Tugas Ekonomi dan Perdagangan**

iv) Risikan Pasaran : Analisis data dan trend pasaran domestik & global.
v) Analisis Pelaburan : Kajian kos-faedah projek, penilaian impak pelaburan.
vi) Rundingan Perdagangan : Sokongan teknikal dan input ekonomi untuk rundingan FTA/WTO.

**Deskripsi Tugas Ekonomi dan Peramalan**

vii) Ekonomi : Menyediakan kajian ekonomi semasa dan dasar ekonomi jangka sederhana & panjang.
viii) Statistik : Mengurus dan mentafsir data ekonomi makro & mikro untuk input dasar.
ix) Peramalan : menjalankan pemodelan ekonomi dan ramalan pertumbuhan, inflasi perdagangan dan sektor utama.

**Deskripsi Tugas Bahagian Pengawalseliaan dan Kawalan Kualiti:**

i) Merancang, menyelaras, dan memantau Program Pengawalseliaan dan Kawalan Kualiti serta memastikan semua aktiviti di bawah program ditadbir urus dengan sempurna berdasarkan skop dan bidang kuasa yang diperuntukkan
ii) Bertanggungjawab untuk menyusun strategi, mengatur pelaksanaan, dan mengawasi Program Pengawalseliaan dan Kawalan Kualiti
iii) Memastikan setiap aktiviti dalam program ini dilaksanakan dengan baik dan mematuhi peraturan yang ditetapkan
iv) Memastikan program ini beroperasi mengikut bidang kuasa dan peruntukan yang telah ditetapkan oleh undang-undang atau pihak berkuasa berkaitan
v) Merancang dan memantau pelaksanaan aktiviti pendaftaran dan pelesenan.

| 1.2 | PEGAWAI PENYELIDIK |
|---|---|

***Syarat Kelayakan*** **:**

a) Ijazah Sarjana Muda kepujian atau Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Entomologi (kajian perosak tanaman) dan Patologi Tumbuhan (kajian penyakit tanaman) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

***DAN*** b) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Deskripsi Tugas Bidang Entomologi (Kaji Serangga):**

i) Merancang dan menyediakan cadangan projek penyelidikan yang berkaitan dengan bidang Entomologi bagi menyelesaikan permasalah serangan serangga dan perosak pada tanaman koko.

ii) Melaksanakan projek penyelidikan di makmal, plot penyelidikan di PPPK Madai dan di kebun petani mengikut perancangan semasa.

iii) Merekod, mengumpul, menganalisa dan mengintepretasikan data-data penyelidikan dengan sokongan analisa statistik yang bersesuaian.

iv) Mengawal selia bangunan dan makmal di bawah pengurusan Unit Entomologi PPPK Tawau sepertimana berikut;
- Makmal Penyelidikan Ento 1,
- Bangunan Makmal Pengeluaran Parasit Telur, (Tbf)
- Bangunan Muzium Flora dan Fauna Koko PPPK Tawau

**Deskripsi Tugas Bidang Patologi Tumbuhan:**

i) Merancang dan menyediakan cadangan projek penyelidikan yang berkaitan dengan bidang Patologi Tumbuhan bagi menyelesaikan permasalah serangan penyakit pada tanaman koko yang disebabkan oleh fungus dan bakteria.

ii) Berpengalaman atau berpengetahuan dalam penyelidikan dan pengeluaran produk biopesticides dan mikrobial.

iii) Melaksanakan projek penyelidikan di makmal, plot penyelidikan di PPPK Madai dan di kebun petani mengikut perancangan semasa.

iv) Mengawal selia bangunan dan makmal di bawah pengurusan Unit Patologi Tumbuhan di PPPK Tawau sepertimana berikut;
- Bangunan Makmal Rintis Pengeluaran Produk Biopesticides,
- Bangunan Makmal Rintis Produk Mikrobial
- Koleksi Kultur Fungu dan bakteria (Permanent Culture Collection) PPPK Tawau

**Keutamaan adalah diberi kepada pemohon yang mempunyai:**

i) Ijazah Sarjana atau pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD).
ii) Kelulusan Cemerlang dengan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Kedua tertinggi (PNGK 3.0 ke atas).
iii) Sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja dalam bidang-bidang yang dipohon
iv) Mempunyai sifat kepimpinan dan kemahiran komunikasi serta daya saing yang tinggi untuk merancang dan menjalankan kajian saintifik serta bersikap amanah, proaktif, dedikasi, bertanggungjawab serta boleh memantau dan mengembeling kakitangan dibawah seliaan.
v) Teliti dan mampu mengendalikan pelbagai fungsi tugas.
vi) Kemahiran interpersonal dan komunikasi yang baik serta mampu bekerja secara berdikari
vii) Fasih bertutur serta menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

| 1.3 | PENOLONG PEGAWAI EHWAL EKONOMI |
|---|---|

**Syarat Kelayakan :**

a) Diploma dalam bidang Perniagaan Tani / Pengurusan Ladang / Pertanian / Pengurusan Teknologi dan Tumbuhan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

***DAN*** b) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Deskripsi Tugas :**

i) Membantu dalam pengumpulan, penyatuan dan analisis statistik koko tempatan dan dunia.

ii) Membantu dalam penyediaan data bagi khidmat statistik koko bagi memastikan maklumat perangkaan koko yang tepat dan dikemaskini

iii) Penyediaan bahan penerbitan / buku statistik industri koko.

iv) Membantu dalam projek penyelidikan ekonomi / kajian kemungkinan

i) Membantu dalam penyediaan pembentangan pelaporan

ii) Membantu penyediaan *front loading* projek pembangunan & mengurus Bahagian Pembangunan Pasaran & Ekonomi (BPPE)

| 1.4 | PEMBANTU EHWAL EKONOMI |
|---|---|

**Syarat Kelayakan :**

a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; ***ATAU***

b) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan; ***ATAU***

c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ***ATAU***

d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

***DAN*** e) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Keutamaan adalah diberi kepada calon yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT);**

**Deskripsi Tugas (Bahagian Pengawalseliaan dan Kawalan Kualiti):**

i) Membuat lawatan verifikasi dan pengesanan setiap kawasan tanaman koko berdasarkan sumber maklumat yang diperolehi

ii) Mendaftarkan pekebun kecil di dalam sistem BLESS serta melibatkan proses kerja pengeluaran sijil pendaftaran

iii) Menyediakan serta melaporkan maklumat pemetaan (koordinat) keluasan tanaman koko kepada pihak ARSM

iv) Memproses permohonan lesen, pembaharuan, pembatalan lesen dan permohonan sijil daftar yang diterima melalui sistem BLESS

v) Menyediakan, merekod dan menghantar sampel biji koko kering unutk ujian analisis kimia

**Deskripsi Tugas (Bahagian Pemindahan Teknologi dan Pengembangan):**
Membantu pegawai penyelidik/ Ketua Unit dalam merancang, melaksanakan projek pembangunan, mengumpul, merekod maklumat dan menganalisis data-data projek berkenaan Program Pembangunan Kumpulan Sasar.

| 1.5 | PEMBANTU TADBIR (PEKERANIAN/OPERASI) |
|---|---|

**Syarat Kelayakan :**

a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ***ATAU***

b) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; ***ATAU***

b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya olej Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ***ATAU***

c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

***DAN*** d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Deskripsi Tugas :**

i) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

iii) Membantu Pegawai Ehwal Ekonomi/ Ketua Unit Integriti dalam merancang, menggubal dasar dan polisi serta menyelaras dan melaksanakan fungsi dan aktiviti berdasarkan kepada Enam (6) Fungsi Teras Unit Integriti iaitu Pengukuhan Integriti, Pematuhan, Tadbir Urus, Pengesanan dan Pengesahan,Tatatertib dan Pengurusan Aduan.

| 1.6 | PEMBANTU PENYELIDIK |
|---|---|

**Syarat Kelayakan :**

a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; ***ATAU***

b) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; ***ATAU***

c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ***ATAU***

d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

***DAN*** e) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

***(Bagi pemohon yang hanya mempunyai kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia, keutamaan adalah diberi kepada pemohon yang mendapat kepujian dalam sekurang-kurangnya satu mata pelajaran Sains pada peringkat peperiksaan tersebut).***

**Deskripsi Tugas Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Koko Bagan Datuk :**

i) Membantu pegawai penyelidik merancang, menyelaras, mengawalselia dan melaksanakan aktiviti tanaman koko, penyelidikan dan pembangunan ladang di Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Koko, Bagan Datuk.

ii) Membantu dalam mengawal selia kakitangan (Pekerja Ladang/ Pembantu Awam)

iii) Membantu mengembang dan menyalurkan penemuan dan teknologi terkini kepada kumpulan sasaran
Memberi penerangan dan khidmat nasihat kepada pelawat dan petani.

iv) Menyelaras pelaksanaan Fail Meja dan Manual Prosidur Kerja di peringkat unit

**Deskripsi Tugas (Bahagian Pemindahan Teknologi dan Pengembangan):**

Membantu pegawai penyelidik/ Ketua Unit dalam merancang, melaksanakan projek pembangunan, mengumpul, merekod maklumat dan menganalisis data-data projek berkenaan Program Pembangunan Kumpulan Sasar

| **1.7** | **PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)** |
|---|---|

**Syarat Kelayakan:**

a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut; ***ATAU***

b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Perdagangan Malaysia peringkat pertengahan (simpan kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ***ATAU***

c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ***ATAU***

d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan sijil perdagangan Malaysia peringkat tertinggi (perakaunan) serta kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ***ATAU***

e) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

***DAN*** f) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Deskripsi Tugas :**

i) Membantu melaksanakan sistem pengurusan terimaan dan tuntutan bayaran
ii) Membantu penyediaan Penyata Penyesuaian
iii) Membantu dalam pengurusan kewangan Kumpulan Wang Pusingan Hasil (KWPH)
iv) Menyemak tuntutan-tuntutan elaun perjalanan dan lebih masa.
v) Menguruskan Buku Panjar Wang Runcit/Perubatan

| 1.8 | PEMBANTU KHIDMAT AM |
|---|---|

**Syarat Kelayakan :**

a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; ***ATAU***

b) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; ***ATAU***

c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ***ATAU***

d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

***DAN*** (e) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti berikut:

**Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan)**

Memiliki lessen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan kebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugasan berkenaan.

***DAN*** f) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**Deskripsi Tugas :**

i) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas;
    i) Membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat / dokumen / saman / notis.
    ii) Urusan pemanduan dan menyenggara semua jenis kenderaan mengikut keperluan LKM.
    iii) Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas operasi am bersifat `*hands-on'* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam pejabat dan tugas-tugas sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja / pejabat.
    iv) bertanggungjawab melaksanakan skop tugas berkenaan pengurusan dokumen dan memberi sokongan operasi serta memastikan pengurusan pejabat berjalan dengan lancar.

v) Membantu dan melaksanakan kerja-kerja bagi memastikan kelancaran urusan penyelidikan.
vi) Bertanggungjawab bagi urusan ladang.

## 2. KELAYAKAN PERMOHONAN

### 2.1 *Syarat-syarat Permohonan Bagi Kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia Mengikut Sistem Terbuka*

i) Lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua daripada mata pelajaran adalah diperingkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; ***ATAU***

ii) Lulus enam mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; ***DAN***

iii) Memenuhi syarat-syarat Bahasa Melayu, sama ada Kepujian atau lulus dan subjek-subjek tertentu sepertimana disyaratkan dalam skim perkhidmatan.

**2.2 Calon-calon yang tidak memiliki keputusan seperti di atas adalah tidak layak dipertimbangkan untuk maksud lantikan ke jawatan yang mensyaratkan kelayakan SPM, SVM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.**

## 3. SYARAT-SYARAT UMUM PERMOHONAN

i) Calon-calon bagi lantikan hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.

ii) Bagi calon-calon yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan / Perkhidmatan Awam Negeri / Badan Berkanun Persekutuan / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah berumur:-

- kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

## 4. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Calon-calon yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## 5. CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang boleh dicetak melalui Laman Sesawang Lembaga di alamat www.koko.gov.my

Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta sekeping gambar berukuran paspot dan salinan Ijazah, Diploma (termasuk transkrip keputusan peperiksaan semua semester), STPM/SPM, Sijil Berhenti Sekolah dan lain-lain dokumen (spt, kad pengenalan, sijil lahir, dll lagi) yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Dalam Kumpulan Pengurusan & Profesional dan hendaklah dihantar tidak lewat pada **jam 5:00 Petang, Jumaat, 13 Jun 2025** ke Ibu pejabat Lembaga Koko Malaysia di alamat:-

**KETUA PENGARAH**
**LEMBAGA KOKO MALAYSIA**
**TINGKAT 7, WISMA SEDCO,**
**LORONG PLAZA WAWASAN**
**OFF COASTAL HIGHWAY**
**BEG BERKUNCI 211**
**88999 KOTA KINABALU, SABAH.**

Nama jawatan yang dipohon hendaklah dicatit disudut atas sebelah kiri sampul surat. Sebarang **permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayan** dan **akan dianggap tidak berjaya,** hanya calon-calon yang layak selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.